



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
CAWANGAN MIRI  
ARAS 4, YU LAN PLAZA  
JALAN BROOKE  
98000 MIRI, SARAWAK  
MALAYSIA



Tel: 085-442 183  
Faxes: 085-423 103  
Laman Web: [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

Ruj. Kami : JANMIR/100-1/6 JLD.5 ( 2 )  
Tarikh : 23 Februari 2026

SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN  
JANM CAWANGAN MIRI,

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN YANG BERKAITAN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2025 (31 DISEMBER)-LEJAR AKRUAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Perakaunan diminta untuk mengemukakan pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan 2025 (31 Disember 2025) – Lejar Akruan. Oleh yang demikian, semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Miri yang terlibat hendaklah mengambil tindakan ke atas perkara seperti berikut:

- a) Menyediakan Pengesahan Baki kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan Bersama surat ini seperti di **Lampiran A** ;
- b) Memastikan Pengesahan Baki yang lengkap dan sempurna dikemukakan dalam **3 salinan ASAL** kepada JANM Cawangan Miri **sebelum atau pada 06 Mac 2026 (Jumaat)** untuk tindakan kami selanjutnya.

3. Perhatian dan Kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2025 sehingga 31 Disember 2025 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD NAZRI BIN HASSAN C.A.(M))**  
Pengarah Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Miri

*Meneksa/sofunit akaun*